



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
WILAYAH PERSEKUTUAN
BIL. 1/2020**

**PENGGUNAAN SEPENUHNYA SISTEM e-TANAH DI PEJABAT
PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR**

© **Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan 2020**

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk Dokumen	Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Bil. 1/2020 Penggunaan Sepenuhnya Sistem E-Tanah Di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Disediakan oleh	Bahagian Pengurusan Maklumat Sektor Khidmat Pengurusan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan
Alamat	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Aras G-6, Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin, 50678 Kuala Lumpur
Telefon	03 -2610 3300
Faks	03 – 2610 3499
E-mel	tanahwila@ptgwp.gov.my
Kategori dokumen	Terhad
Tarikh kuat kuasa	Pekeliling ini akan berkuatkuasa mulai 15 April 2020.

1. Tujuan

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan kepada warga Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPTG WPKL) yang terlibat dalam pengurusan dan pentadbiran tanah supaya menggunakan sepenuhnya Sistem e-Tanah yang mula dikuatkuasa pemakaiannya pada 19 Jun 2017.

2. Latar Belakang

- 2.1 Berdasarkan punca kuasa Fasal 4, Artikel 76 Perlembagaan Persekutuan, Kanun Tanah Negara melalui Akta 56 Tahun 1965 telah diperkenalkan bagi tujuan penyeragaman undang-undang dan dasar pengurusan tanah bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan.
- 2.2 Akta 56 telah dipinda untuk memasukkan peruntukan seksyen 5D(1) dan Jadual Keenam Belas melalui Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2008 (Akta A1333). Manakala Akta 318 pula telah dipinda untuk memasukkan peruntukan seksyen 4B(1) dan Jadual Keenam melalui Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 (A1450). Pindaan ini adalah bagi membolehkan Sistem e-Tanah dapat dilaksanakan.
- 2.3 Objektif utama pelaksanaan Sistem e-Tanah adalah merealisasikan Kerajaan Elektronik dalam pentadbiran tanah sebagai usaha menambahbaik kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

3. PELAKSANAAN Sistem e-Tanah PPTG WPKL

- 3.1 Sistem e-Tanah PPTG WPKL yang mula digunakan pada tahun 2017 bertujuan untuk menjadikan pentadbiran tanah negeri


yang lebih efektif, telus dan berintegriti. Pelaksanaan Sistem e-Tanah PPTG WPKL diadakan secara berfasa iaitu Fasa 1 melibatkan Modul Pendaftaran, Modul Strata, Modul Hasil, Modul Lelong dan Modul *Consent*, manakala Modul Pelupusan Tanah, Modul Pembangunan Tanah, Modul Penguatkuasaan dan Modul Pengambilan Tanah dilaksanakan dalam Fasa 2.

- 3.2 Semua urusan seperti pendaftaran hakmilik, urusan niaga dan bukan urusan niaga, permohonan pelupusan dan pembangunan tanah, lelongan awam, kebenaran pindahan dan perkhidmatan kutipan hasil tanah hendaklah menggunakan Sistem e-Tanah sepenuhnya. Begitu juga dengan proses penyediaan dan perakuan kertas Jawatankuasa Kerja Tanah (JKT) hendaklah dilaksanakan menggunakan sistem dan fail fizikal hanya diperlukan bagi tujuan mesyuarat JKT sahaja selagi mana peluasan Sistem e-Tanah atau integrasi dengan sistem Urusetia JKT masih belum dilaksanakan.
- 3.3 Secara keseluruhan, pelaksanaan Sistem e-Tanah telah memberi faedah dan kelebihan kepada PPTGWPKL kerana Sistem e-Tanah yang dibangunkan ini adalah bersifat holistik dan bersepadu serta dapat mematuhi keperluan dasar semasa dan selaras dengan kehendak Kerajaan untuk meningkatkan kredibiliti perkhidmatan pentadbiran tanah.

4. TADBIR URUS e-TANAH WPKL

- 4.1 Bagi memastikan pelaksanaan Sistem e-Tanah di PPTG WPKL berjalan lancar dan berkesan, jawatankuasa dan pasukan kerja projek e-Tanah telah ditubuhkan seperti di **Rajah 1: Struktur Tadbir Urus Projek e-Tanah**. Pemantauan pembangunan dan pelaksanaan dilaksanakan melalui lima (5) jawatankuasa tadbir urus yang dibentuk seperti berikut:

- 4.2 Jawatankuasa Pemandu Persekutuan – Pengerusi : KSU Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA)
- 4.3 Jawatankuasa Pemandu Negeri – Pengerusi : Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG)
- 4.4 Jawatankuasa Polisi dan Perundangan – Pengerusi : Timbalan Pengarah, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan (SKPP), JKPTG
- 4.5 Jawatankuasa Komunikasi – Pengerusi : Ketua Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA)
- 4.6 Jawatankuasa Teknikal – Pengerusi : Pengarah Tanah dan Galian, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan



Rajah 1: Struktur Tadbir Urus Projek e-Tanah

KHIDMAT SOKONGAN TEKNIKAL

- 4.7 Mulai tahun 2017, Sistem e-Tanah PPTG WPKL telah melalui evolusi menerusi peningkatan keupayaan dan penambahbaikan sistem meliputi proses kerja dan teknikal. Oleh itu, sebarang

permohonan perubahan atau *change request* (CR) dan aduan berkaitan masalah Sistem e-Tanah hendaklah diajukan kepada pegawai sokongan teknikal Puncak Tegap Sdn Bhd (PTSB) yang ditempatkan di PPTG WPKL untuk melaksanakan sokongan teknikal sepanjang tempoh konsesi 12 tahun ataupun kepada Bahagian Pengurusan Maklumat, PPTG WPKL. Permohonan perubahan (CR) dan aduan pengguna amatlah penting bagi tujuan penambahbaikan sistem secara berterusan supaya kekal relevan dan memenuhi keperluan semasa.

- 4.8 Sebarang aduan atau khidmat sokongan teknikal boleh dikemukakan kepada pegawai sokongan teknikal PTSB di talian dan emel berikut:

No. Telefon : 03 – 2693 6429

E-mel : etanahklsupport@ptgwp.gov.my

5. Tarikh Kuatkuasa

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 15 April 2020.


6. Pemakaian

Semua warga PPTG WKL yang terlibat dengan pengurusan dan pentadbiran tanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan semua urusan tanah termasuk perserahan urusan niaga dan bukan urusan niaga diterima dan diproses sepenuhnya melalui Sistem e-Tanah.

Komitmen yang berterusan daripada semua warga PPTG WPKL untuk menggunakan Sistem e-Tanah sepenuhnya dalam semua urusan bagi setiap modul. Adalah diharapkan supaya Sistem e-Tanah dapat menyumbang impak positif dalam sistem penyampaian

perkhidmatan di PPTG WPKL dan seterusnya meningkatkan hasil kepada Kerajaan.

Pekeliling ini juga dikeluarkan selaras dengan surat JKPTG, rujukan : JKPTG-1000/100-411/2/6 Jld.6 (15) bertarikh 28 Mei 2019 berhubung dengan arahan penggunaan sepenuhnya Sistem e-Tanah di PPTG WPKL.



DATO' HAJI CHE ROSLAN BIN CHE DAUD
Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan

No Fail : PTG/WP.100-2/26
Bertarikh: 15 April 2020